

04/05/2002

Umno tiada niat campur tangan krisis MCA

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan Umno tidak pernah berniat untuk campur tangan dalam krisis MCA, sebaliknya beliau mengemukakan pelan damai kerana ingin melihat parti itu tidak berpecah.

Kata Perdana Menteri, tindakannya itu juga dibuat selepas kedua-dua pihak yang bertelagah dalam MCA meminta bantuan bagi mengembalikan perpaduan parti itu.

"Dalam mana-mana kumpulan pun, akan ada orang yang tak bersetuju. Tetapi yang penting ialah majoriti bersetuju (pelan damai).

"Nak kata apa kat saya...katalah tetapi saya nak berusaha untuk kebaikan. Kalau nak terima, terima, tetapi tak nak tak apa...saya bukan ada kuasa apa pun.

"Tetapi Umno sebagai rakan kepada MCA sekian lama, tidak ingin melihat MCA berpecah dan kita tak buat apa pun.

"Kalau boleh kita tolong, kita tolong. Kalau kata jangan tolong....semua kata jangan tolong, kita tak tolong. Kalau tak boleh campur tangan, tak apalah," katanya selepas merasmikan seminar mengenai teknologi maklumat anjuran Pemuda Umno di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno diminta mengulas dakwaan sesetengah pihak dalam MCA bahawa Umno cuba campur tangan dalam urusan MCA yang baru-baru ini dilanda krisis kepemimpinan.

Ini berikutan langkah Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu mengemukakan pelan kedamaian dan kestabilan untuk diterima oleh dua pihak yang bertelagah dalam MCA, masing-masing diketuai Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Antara agenda utama dalam pelan itu ialah cadangan mengekalkan status quo kepemimpinan MCA pada semua peringkat sehingga 2005 dan ia diterima oleh kedua-dua pihak bagi mewujudkan perpaduan dan persefahaman demi masa depan parti serta BN.

Ditanya sejauh mana penerimaan ahli MCA terhadap pelan itu setakat ini, Dr Mahathir berkata ia kelihatan mencapai kemajuan "tetapi segala-galanya mengambil masa, anda tidak boleh menukar sesuatu dalam sekelip mata. Insya Allah, ia akan datang secara perlahan."

"Saya melihat gambar hari ini, mereka duduk bersama," katanya merujuk laporan akhbar hari ini yang turut menyiarkan gambar barisan kepemimpinan MCA duduk bersama dalam sidang akhbar semalam selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusatnya.

Mesyuarat itu antara lain memutuskan untuk membentuk jawatankuasa khas yang akan menjadi pengantara dalam usaha mengekalkan status quo kepimpinan parti.

Ia dipengerusikan Dr Ling dan anggota lain termasuk Lim, empat naib presiden dan setiausaha agung.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyindir wartawan dengan berkata: "Ya, anda semua tidak gembira kerana tiada kontroversi apa nak lapor.

"Ada kontroversi seronok, kalau orang bertumbuk, lagi seronok. Bayangkan gambar penuh muka depan kalau Lim Ah Lek dengan Ling bertumbuk."

(END)